

MALAYSIA MODEL NEGARA DUNIA KE-3

Oleh
**Prof. Murugesu
Pathmanaban**

TERDAPAT tiga kategori manusia — orang yang melakukan sesuatu, orang yang memerhatikan sesuatu berlaku dan orang yang memikirkan apa yang telah berlaku.

Perkara yang sama boleh dikaitkan dengan negara - negara dan kebanyakan kenyataan ini tertanam di dalam pucuk pimpinan negara, Dato' Sri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad merupakan satu contoh unggul dari kategori pertama.

Dalam arena perhubungan antarabangsa, peranan Malaysia mengalami perubahan besar dalam dekad pimpinan Dato' Sri Dr. Mahathir. Untuk jangka masa sepuluh tahun dari 18 Julai 1981 hingga 18 Julai 1991, persepsi mengenai Malaysia di kalangan komuniti antarabangsa telah berubah secara radikal.

Perubahan ini boleh dikesan secara langsung kepada polisi-polisi dan rancangan - rancangan yang dijalankan sebagai sebahagian daripada dasar luar Malaysia.

Bekas Perdana Menteri British, Harold Wilson pernah mengatakan bahawa seminggu adalah satu jangka masa yang panjang dalam arena politik. Jika seminggu dianggap sebagai satu jangka masa yang panjang, maka sudah tentu satu dekad akan kelihatan seperti satu kurun.

Revolusi teknologi komunikasi dan trend globalisasi telah menambahkan intensiti dan kesamaan kepada proses politik di seluruh dunia.

Tidak syak lagi, tempoh dari 1981 hingga 1991 telah menyaksikan perubahan politik, ekonomi dan sosial dalam skala global yang mengubah keseluruhan senario antarabangsa.

Kerajaan - kerajaan yang wujud pada 1981 kini telah lenyap. Satu contoh yang dramatik dapat dilihat di Republik Demokratik Jerman. Perang dingin telah diredakan oleh pembukaan struktur kawalan politik serta organisasi ekonomi yang ada kaitan dengan ideologi komunisme. Keadaan yang wujud pada 1981 di peringkat antarabangsa ketika Dato' Sri Dr. Mahathir mengambil alih jawatan Perdana Menteri, kini sukar untuk dikenali.

Arena dasar luar sentiasa menarik hati para Perdana Menteri serta Presiden. Di Malaysia, hal ini merupakan ciri yang amat ketara dalam corak pimpinan Perdana - Perdana Menteri sebelum Dato' Sri Dr. Mahathir terutamanya Allahyarham Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Allahyarham Tun Abdul Razak.

Terdapat tiga unsur yang menggariskan corak pemerintahan Dato' Sri Dr. Mahathir dalam konteks dasar luar Malaysia iaitu inovasi, inisiatif dan kebiaksanaan.

kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Russia, serta sekutu - sekutu mereka.

Pendirian Malaysia di atas kebanyakan masalah yang dihadapi oleh komuniti antarabangsa dan dunia yang sedang membangun dipengaruhi kuat oleh pengalamannya dalam militan komunisme Malaysia pernah mempunyai pendirian yang sama dengan negara - negara Barat dalam beberapa isu.

Ketika itu, ASEAN dan OIC tidak wujud. Malaysia juga bukan anggota Pergerakan Negara Berkecuali. Malah pada awal zaman kemerdekaan, dan ketika kempen konfrontasi akibat pembentukan Malaysia, pengkritik - pengkritik Malaysia telah menyebarkan dakwah bahawa Malaysia merupakan boneka imperialis serta alat bagi neo kolonialisme.

Di bawah pimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak, Malaysia menyaksikan perkembangan yang dramatik dalam perhubungan luarnya. Antara yang paling signifikan adalah promosi ASEAN sebagai alat kerjasama politik dan ekonomi bagi negara - negara bukan komunis di Asia Tenggara.

Satu lagi perubahan strategik jangka panjang yang penting dalam dasar luar Malaysia adalah penyertaannya dalam Pergerakan Negara Berkecuali (NAM). Malah perubahan ini merupakan asas bagi perubahan besar dasar luar Malaysia dalam dekad yang akan datang.

Pengganti Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn, mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam arah ini. Pada sidang kemuncak ASEAN di Bali pada 1976, beliau telah mewakili Malaysia, di mana dua dokumen ASEAN yang besar dan signifikan telah ditandatangani iaitu Persetujuan ASEAN dan Persetiaan Persahabatan dan Kerjasama.

Perlu diingat bahawa Persidangan Bali ini diadakan ketika rantau Asia Tenggara menghadapi tahap kritikal dalam evolusi geopolitiknya. Sidang Kemuncak ASEAN telah diadakan sejurus selepas tentera Amerika berundur dari Indo-China dan ketika penyatuan Vietnam Utara dan Selatan di bawah rejim komunis pusat.

Komitmen

Dekad pimpinan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyaksikan pengukuhan komitmen-komitmen yang telah diasaskan dan pada waktu yang sama, menggariskan arah baru bagi usaha serta inovasi demi kepentingan negara.

yang semakin rumit. Keupayaan beliau ini juga terbukti melalui kebolehan beliau merundingkan isu - isu antarabangsa yang rumit.

Dalam menilai kualiti kepimpinan Dato' Sri Dr. Mahathir, satu aspek yang tidak dihargai sepenuhnya adalah dimensi psikologi. Memandangkan semua inisiatif serta dasar beliau dalam bidang dasar luar, tidak dapat dinafikan bahawa beliau telah berjaya meletakkan Malaysia di atas peta dunia.

Malaysia kini dilihat sebagai model negara Dunia Ketiga. Dalam mencari model lain bagi tujuan pembangunan, Malaysia sendiri kini muncul sebagai model pembangunan. Ini bukanlah satu kejayaan yang kecil bagi sebarang pemimpin negara.

Malaysia sebagai sebuah negara dan masyarakat, sementara tidak mempunyai sumber - sumber politik, ekonomi dan ketenteraan Dunia Ketiga, atau kuasa yang lebih besar, hari ini meninggalkan kesan positif ke atas kesedaran komuniti dunia.

Kejatuhan masyarakat komunis di Eropah serta keadaan dalam negara yang kucar - kacir, diikuti pula dengan kemelesetan ekonomi yang

melanda banyak sudut dunia, menggambarkan aspek ini dalam profil yang lebih jelas. Tidak salah untuk mengatakan bahawa Malaysia pada hari ini, sebagai sebuah negara, merupakan faktor yang perlu diambil kira dalam beberapa dimensi politik dunia serta dasar - dasar antarabangsa.

Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Perdana Menteri sendiri, adalah penting untuk menjadi peserta yang aktif dalam proses membuat keputusan antarabangsa daripada menjadi pemerhati yang pasif.

Sebarang penilaian yang serius ke atas sumbangan Dato' Sri Dr. Mahathir dari segi pimpinan negara akan menyentuh apa yang boleh dianggap sebagai unsur integrasi, jelas dalam gabungan keseluruhan dasar luar dan tempatan. Dasar luar tidak terpisah daripada dasar dalam negara sesebuah negara.

Sebaliknya, terdapat perhubungan dan pertalian yang rapat antara hubungan luar sesebuah negara dan dasar dalam dasar negaranya. Ini jelas terbukti dalam struktur dan organisasi ekonomi sesebuah negara dan hubungannya dengan sistem ekonomi antarabangsa.

Aktiviti politik boleh dikategorikan melalui beberapa cara. Satu cara yang umum adalah antara politik "bertahap tinggi" dan politik "bertahap rendah". Politik bertahap tinggi dalam hubungan antarabangsa condong kepada membuat keputusan yang besar dan penting seperti melibatkan sesebuah negara dalam perang atau sebagai sekutu.

Dalam politik tempatan, politik bertahap tinggi melibatkan polisi serta keputusan - keputusan yang besar seperti mengadakan satu perlindungan sosial yang komprehensif, menggalakkan integrasi perkauman atau etnik, menasionalisasikan industri swasta atau mengadakan perubahan yang radikal dalam sistem dan bentuk kerajaan.

Politik bertahap rendah biasanya dikaitkan dengan birokrasi dan pentadbir. Ia melibatkan keputusan - keputusan kecil yang tidak mengubah secara besar struktur politik, sosial dan ekonomi sesebuah negara atau di peringkat antarabangsa.

Ia juga pernah didefinisikan sebagai perlakuan birokratik yang dibentuk untuk melaksanakan keputusan - keputusan politik tinggi tanpa mengganggu asas - asas politik, sosial dan ekonomi.

Contoh politik bertahap rendah di peringkat antarabangsa adalah seperti perubahan dalam kakitangan diplomatik, pengurusan rancangan - rancangan teknikal, ekonomi serta bantuan ketenteraan, dan kemudahan pertukaran perdagangan, pelancongan dan pelaburan. Politik bertahap rendah pada peringkat tempatan termasuklah aktiviti seperti mengubal undang - undang mengenai pencemaran alam, menentukan kenaikan gaji sektor awam dan memperkenalkan peraturan trafik dalam sektor pengangkutan.

Mungkin telah tiba masanya dalam politik antarabangsa untuk merobah pemikiran kita dan menyamakan "politik bertahap tinggi" dengan kerjasama antarabangsa dan "politik bertahap rendah" dengan konflik dan perang.

Dalam dimensi perhubungan antarabangsa bertahap tinggi, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya secara signifikan dalam pengembangan profil Malaysia di kalangan negara - negara dunia. Untuk menghayati aspek ini sepenuhnya, elok dibandingkan kedudukan serta dasar - dasar Malaysia.

Sewaktu Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, perhubungan Malaysia dengan dunia luar adalah di bawah pimpinan Britain; bekas kuasa kolonial berubah menjadi penasihat politik.

Persepsi dan dasar terhadap dunia luar dipengaruhi secara kritikal oleh pengalaman Malaysia dalam pemberontakan bersenjata komunis serta darurat yang dijalankan untuk mematahkan pemberontakan ini dari 1948 hingga 1960.

Dari sudut geopolitik, komuniti antarabangsa diselubungi dengan era perang dingin serta perjuangan untuk kuasa dan pengaruh oleh kuasa -

Sokongan serta komitmen Malaysia terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan ASEAN terus berjalan. Namun itu, ini tidak menghalang Dato' Sri Dr. Mahathir, pada tahap awal pimpinannya, untuk mencabar beberapa andaian dalam memimpin hubungan luar Malaysia.

Satu contoh yang dapat diberi adalah sikap Malaysia terhadap negara - negara Komanwel. Tidak lama selepas menjadi Perdana Menteri, beliau enggan menghadiri mesyuarat Ketua - Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Australia dan menganggap Komanwel sebagai tidak penting.

Namun demikian, sejak itu, hubungan Malaysia dengan negara - negara Komanwel telah dieratkan dan pada 1989, Kuala Lumpur menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Sidang Kemuncak CHOGM.

Dalam bidang dasar luar, Dato' Sri Dr. Mahathir telah bertanggungjawab merumuskan dasar luar yang mendorong Malaysia memainkan peranan lebih aktif dalam hal ehwal antarabangsa. Selaku Perdana Menteri dan ketua kabinet, Dato' Sri Dr. Mahathir telah menunjukkan minat yang mendalam dalam hal ehwal antarabangsa.

Ini adalah satu tradisi yang telah lama diamalkan dalam Kerajaan Malaysia. Kesemua Perdana Menteri Malaysia telah menunjukkan minat yang mendalam dalam hal ehwal antarabangsa.

Kerajaan pimpinan Dato' Sri Dr. Mahathir bukan sahaja telah meneruskan komitmen Malaysia terhadap beberapa isu penting, tetapi juga telah membawa pembaharuan pandangan Malaysia terhadap masalah - masalah serta isu - isu antarabangsa.

Sebagai pemimpin negara, Dato' Sri Dr. Mahathir merupakan jurucakap yang lantang bersuara mengenai pelbagai masalah serta isu yang dihadapi oleh negara - negara Dunia Ketiga. Beliau telah menyuarakan pendirian Malaysia dan negara - negara sedang membangun yang lain di pelbagai forum antarabangsa dengan berkesan sekali.

Forum - forum ini, termasuk ASEAN, PBB, Pertubuhan Komanwel, dan OIC. Dato' Sri Dr. Mahathir mengambil sikap jujur dan berterus terang dalam mengkritik sikap serta pendirian negara - negara maju. Sikap ini telah menjadikan Dato' Sri Dr. Mahathir seorang pemimpin yang kurang disenangi oleh media Barat. Bagaimanapun, kini ramai pengkritik beliau telah mula mengakui akan kebenaran pandangannya.

Setelah memimpin Malaysia selama satu dekad, Dato' Sri Dr. Mahathir berjaya menonjolkan Malaysia sebagai anggota masyarakat dunia yang aktif dan sensitif, lebih - lebih lagi terhadap isu - isu penting seperti isu pembangunan yang melibatkan negara - negara Dunia Ketiga.

Dalam memainkan peranannya sebagai jurucakap negara yang unggul, Dato' Sri Dr. Mahathir telah menunjukkan kebolehan intelek dalam memahami masalah - masalah dunia